

## **Dr. Mahathir menafikan**

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad hari ini menafikan spekulasi akhbar bahawa pentadbirannya berhasrat mengadakan cuti hujung minggu yang selaras pada hari Khamis dan Jumaat bagi seluruh negara.

"Kerajaan tidak pernah bercadang menukar cuti hujung minggu yang ada sekarang," kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat dengan eksekutif-eksekutif perniagaan antarabangsa di sini petang ini.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia